

17 FEB 2003

NAM-Mahathir (Raptai)/I

MASIH ADA RUANG PERBAIKI UPACARA PERASMIAN SIDANG KEMUNCIAK NAM, KATA PM

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Tinggal tiga hari lagi sebelum Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali Ke-13 (NAM), raptai berwarna-warni bagi upacara perasmian telah diadakan hari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), venue sidang kemuncak itu.

Raptai itu termasuk pergerakan kereta-kereta yang membawa 114 "pemimpin" NAM dari hotel mereka ke PWTC dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyambut "pemimpin" berkenaan.

Penduduk bandaraya ini terpaksa berdepan dengan penutupan beberapa jalan menghala ke PWTC dari 8 pagi hingga 9.30 pagi bagi memastikan kenderaan VVIP bergerak lancar.

Bercakap pada sidang media kemudiannya, Dr Mahathir menyatakan rasa puas hari dengan raptai itu.

Beliau berkata walaupun semuanya berjalan lancar mengikut jadual, masih perlu melakukan lebih banyak latihan.

"Ada sikit-sikit lagi yang kena dikemaskan dan saya telah buat komen-komen. Saya fikir umumnya tertib tetapi mereka perlu buat lebih banyak latihan," katanya.

Mengenai sama ada beliau berpuas hati dengan pergerakan kereta-kereta, Dr Mahathir berkata mereka tiba tepat pada waktunya.

"Saya tak tengok motorcade di luar yang ada 114 kereta membawa ketua-ketua negara/kerajaan masuk. Mereka tiba tepat pada masanya dan kita habis tepat seperti mengikut jadual," katanya.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, tiba bagi upacara raptai itu pada 8.30 pagi dan diiringi ke Ruang Menunggu di mana beliau kemudiannya menyambut "pemimpin" berkenaan.

Para pegawai Wisma Putra berpeluang menjadi sebagai pemimpin-pemimpin NAM dan berjabat tangan dengan Dr Mahathir sebelum masuk ke ruang menunggu yang dihiasi indah manakala para jurufoto merakamkan gambar mereka.

Turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, timbalannya Datuk Dr Leo Michael Toyad, Ketua Setiusaha Kementerian Luar Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak dan pegawai-pegawai kanan lain.

Selepas peringkat ketibaan dan sambutan selama 90 minit itu yang turut diserikan sekumpulan gadis berpakaian tradisional memegang "sirih junjung" dan "bunga telur", Dr Mahathir dan "pemimpin" berkenaan diiringi ke Dewan Merdeka, tempat berlangsungnya upacara perasmian Isnin depan.

Di situ, Dr Mahathir dan beberapa tokoh yang lain meneliti ucapan yang akan disampaikan pada acara itu.

Diiringi kumpulan koir, rakaman lagu tema NAM bertajuk "NAM Shall Lead the Way" yang dicipta oleh Datuk Ahmad Nawab dan dinyanyikan oleh penyanyi pop sepanjang zaman Khatijah Ibrahim turut diperdengarkan.

Raptai upacara perasmian itu berlangsung selama kira-kira empat jam.

-- BERNAMA

HS MAM RHM